

Risiko barah

Kajian terbaru kaitkan
kemungkinan kanser rahim
dengan wanita tinggi, gemuk

B/H 19/4/12 MS 3.

Susunan Siti Nur Almizan Aripin
snur@bharian.com.my

WANITA bertubuh lampai berisiko tinggi mendapat barah rahim berbanding rakan mereka yang lebih rendah. Tidak percaya?

Itu keputusan penyelidikan diperoleh sekumpulan saintis Universiti Oxford, Britain yang dibuat berasaskan 47 kajian terhadap 100,000 wanita berbadan tinggi yang kebanyakan menghidap barah rahim.

Kajian sama turut mendapati, sekitar 500,000 kes barah rahim dilaporkan di seluruh dunia terutama di negara membangun juga biasa menular dalam kalangan wanita gemuk dan menghidap obesiti.

Bagaimana mengukur tahap risiko? Cukup mudah. Setiap penambahan dua inci ketinggian meningkatkan kemungkinan

diserang penyakit ini sebanyak tujuh peratus.

Alasan diberikan penyelidik bahawa wanita tinggi memiliki lebih sel yang boleh berkembang menjadi barah.

Sementara itu, pakar kanser Cambridge University, Dr Paul Pharoah melalui laporan jurnal *PLoS Medicine* berkata, hormon pertumbuhan berkemungkinan memainkan peranan namun tidak sehingga hasil analisis sahah dikeluarkan.

Memberikan sedikit gambaran bagi menjelaskan kaitan ketinggian dan kanser rahim, Dr Pharoah membandingkan dua wanita berketinggian 152.4 sentimeter (sm) dengan 170 sm.

"Risiko mendapat barah rahim sepanjang hidup wanita bertubuh rendah adalah 1.6 peratus manakala wanita yang lebih tinggi pula dua peratus. Perlu juga diakui

bahawa banyak kelebihan boleh dimanfaatkan tubuh jika seorang wanita mampu mengekalkan berat badan unggul.

Bagaimanapun, ada penyelidik berkata, wanita Barat secara zahirnya memang berbadan tinggi serta berisi, dan perkara itu diambil kira sebelum keputusan dibuat.

Ada sesetengah penyelidik memberi jaminan kepada wanita tinggi supaya tidak terlalu bimbang dengan menyatakan hasil dapatan kajian bukan menyumbang utama barah rahim.

Di United Kingdom, barah rahim adalah kanser kelima paling biasa menyerang wanita di sana dengan 6,500 kes di diagnosis saban tahun. Seramai dua pertiga daripadanya menemui ajal kerana penyakit ini menyerang tanpa menunjukkan simptom awal malah sukar dikesan sehinggalah sel barah sudah



Risiko mendapat barah rahim sepanjang hidup wanita bertubuh rendah adalah 1.6 peratus, manakala wanita lebih tinggi pula dua peratus banyak kelebihan boleh dimanfaatkan tubuh jika seorang wanita mampu mengekalkan berat badan unggul"

Dr Paul Pharoah
Pakar kanser Cambridge University

menukar ke seluruh badan.

Faktor usia dan tiada anak juga meningkatkan risiko penyakit namun pengambilan pil perancang dikatakan dapat melindungi pertumbuhan sel kanser rahim.

Sehingga ini, masih banyak penyelidikan perlu dilakukan bagi melihat sebarang kaitan antara ketinggian dan berat badan dengan kanser rahim kerana masih wujud keputusan tidak konsisten.

Jadi, penyelidik memutuskan untuk menyusun maklumat sebanyak mungkin berkaitan topik bagi mendapatkan keputusan sahah.

Malah, penyelidik dikenali sebagai Prof Valerie Beral menyifatkan kaitan ketinggian dengan barah rahim sebagai 'aneh'.

Beliau berkata, penambahan inci juga meningkatkan kemungkinan kanser lain termasuk kanser payudara.